

Soalan

SAYA menghadapi masalah yang tragis kerana membabitkan maruah diri. Saya gadis berusia awal 20-an masih menuntut di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan.

Saya tinggal bersama dua rakan, seorang bekerja dan seorang lagi menuntut. Awalnya tiada masalah dalam perhubungan kami dan saya seronok tinggal dengan mereka kerana banyak membantu sama ada sama ada tenaga kerja atau kewangan.

Namun, kebelakangan ini semuanya berubah dan saya semakin terseksa apabila mereka mengajak melakukan hubungan sejenis.

Saya jijik mendengarnya dan berusaha menolak, namun selepas dipujuk rayu, akhirnya tewas. Saya terpaksa melayan nafsu songsang itu hingga hari ini.

Saya sangat terganggu, jiwa bercelaru dan pelajaran terganggu. Lebih malang lagi, akhirnya saya ketagih seks sejenis dan beberapa kali terlanjur dengan rakan lain.

Saya mahu berubah, tolonglah Dr saya tidak tahu apa yang perlu dilakukan untuk mengubah kehidupan dilaknati ini.

Huru hara,
Klang, Selangor.

Jawapan

AHLI psikologi terkenal, Sigmund Freud menjelaskan apabila manusia dikuasai unsur ID, mereka hanya akan memikirkan keseronokan tanpa mempedulikan realiti, pertimbangan akal, logik mahupun nilai moral. Matlamatnya hanyalah untuk memuaskan nafsu semata-mata.


Dr melihat perhubungan seks sejenis dilakukan adik hanya untuk memuaskan ID dan berpaksi kepada nafsu keseronokan, bukannya perasaan menyesal yang bersarang dalam diri.

Buktinya, adik masih melakukannya lagi selepas kali pertama hingga ketagih meskipun pada masa sama mahu menghentikannya. Seks sejenis kini sudah menjadi amalan biasa kepada individu terutama jika berjawatan tinggi, golongan tirjak sosial dan pengkid. Dalam masalah adik, perlakuan itu bermula hanya kerana teras terhutang budi.

Adik sebenarnya mempunyai pilihan untuk menentukan arah tujuan hidup. Tidak semestinya jika kita terhutang

Terpaksa layan nafsu rakan lesbian

Gadis tewas selepas dipujuk rayu teman serumah walaupun pada awalnya menolak



budi pada seseorang, perlu mengorbankan prinsip atau pegangan agama.

Manusia diberi akal bertanggungjawab atas tingkah laku sendiri, adik boleh pilih jalan dirasakan mampu memberi kebahagiaan dan berada pada lunas yang diterima masyarakat bukannya terpaksa melakukan hubungan itu kerana budi.

Meskipun mereka sudah banyak membantu, bukan alasan adik mengikut kehendak songsang itu dan merelakan diri melayan nafsu. Ini kerana jika adik tidak mahu, perhubungan seks itu tidak akan berlaku.

Apa yang terjadi boleh dikategorikan sebagai satu bentuk penderaan seksual hubungan sejenis kerana ia satu pola tingkah laku yang digunakan bagi mendapatkan kawalan dalam sesuatu hubungan.

Manusia diberi akal bertanggungjawab atas tingkah laku sendiri, adik boleh pilih jalan dirasakan mampu memberi kebahagiaan dan berada pada lunas yang diterima masyarakat bukannya terpaksa melakukan hubungan itu kerana budi.

Penderaan ini boleh berlaku dalam pelbagai aspek sama ada psikologi, emosi, ekonomi dan lain lain.

Untuk mengelaknya, adik boleh mencari beberapa alternatif, antaranya berpindah supaya tidak terus terjebak atau dipujuk rayu. Walaupun

menerusi tindakan itu adik tidak lagi mendapat bantuan mereka, adik dapat melepaskan diri daripada cengkaman mereka yang hanya mahu memanipulasi keadaan.

Jika tidak berpindah, adik boleh bersikap agresif supaya mereka tahu pendirian adik yang mahu berhenti melakukannya. Adalah salah jika mereka terus memaksa.

Terpulanglah kepada adik untuk menentukan tindakan diambil. Apapun, Dr ucapkan tahniah kerana adik ingin berhenti daripada melakukan perkara terkutuk itu.

Kembalilah kepada kehidupan normal kerana masih ramai lagi lelaki yang boleh disandarkan harapan menjadi suami bagi menyalurkan nafsu secara sah.

Lebih penting, hindarkan diri daripada menjadi makhluk tuhan yang dikutuk serta berdosa.

Gadis terlanjur sukar percaya teman lelaki

Soalan

SAYA berusia 18 tahun dan berasal daripada keluarga sederhana. Sejak kebelakangan ini, saya sentiasa terkenang perbuatan maksiat yang pernah dilakukan.

Saya pernah menjadi remaja liar seawal usia 14 tahun dan berpunca daripada satu peristiwa hitam yang berlaku dalam hidup.

Perkenalan dengan S membawa kepada gejala tidak sihat. Selepas terlanjur bersama S, saya sedar apa yang terjadi pada diri akibat keterlanjuran itu.

Saya menyesal dan terfikir ketika itu perbuatan berkenaan terlalu hina dan mengambil langkah untuk terus melakukannya kerana diri sudah tidak mempunyai apa-apa lagi yang boleh dibanggakan sebagai wanita.

Boleh dikatakan hampir semua bekas teman lelaki pernah meniduri saya. Saya juga minum arak. Selepas apa yang terjadi, saya insaf.

Sudah hampir tiga tahun saya berhenti minum arak, namun masih lagi terbayang-bayang perbuatan keji itu. Baru-baru ini saya berkenalan dengan seorang lelaki bernama A yang berumur awal 20-an tetapi bukan rakyat Malaysia.

Perkenalan kami bermula dari laman sosial Facebook dan hanya berjumpa setahun sekali pada musim panas pada Oktober. Kedua-dua keluarga kami tahu hubungan ini.

Masalahnya, saya sukar untuk memercayainya walaupun berkali-kali A menyuatkan hasrat untuk berkahwin dengan saya.

Saya mengakui menyayanginya dan sudah ceritakan semua yang terjadi. Pada awalnya A agak terperanjat dan sukar memercayainya, namun dia sudi menerima saya asalkan tidak mengulangi perbuatan itu.

A seorang Islam dan atlet di negaranya. Terlalu banyak yang saya fikirkan. Soal nikah kahwin bukan soal remeh kerana memerlukan komitmen dan tanggungjawab besar. Saya ingin berkahwin, namun tidak tahu apa yang perlu dilakukan kerana sukar memercayai ke-

benaran seperti dinyatakan A.

Jika A hanya berpura-pura, saya rela memutuskan hubungan kami tapi seandainya dia benar-benar ikhlas, saya berasa bersalah padanya.

Jujur saya katakan saya ingin berkahwin dan tidak mahu peristiwa dulu berulang. Saya cukup insaf dan ingin memulakan hidup baru.

Ragu-ragu,
Perak.

Jawapan

DR bersyukur dengan keinsafan adik dan keinginan untuk menjaiani kehidupan baru. Allah melalui al-Quran menyuruh hamba-Nya bertaubat, sekali gus memperlihtakan keluasan rahmat-Nya yang tidak terbatas sekalipun hamba itu melakukan dosa besar. Allah berjanji akan menerima taubat hamba-Nya yang benar-benar bertaubat. Firman Allah yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah menyukai orang yang taubat dan menyukai orang yang menyucikan diri." (al-Baqarah: 222).

Dr juga memahami kerisauan adik sama ada A betul-betul ikhlas untuk mengahwini adik. Ini berdasarkan latar belakang sejarah hidup adik. Jika A ikhlas, adik perlu bersyukur atas ketulusannya.

Dr akui memang bukan mudah memercayai seseorang apatah lagi berdasarkan kesilapan yang adik lakukan. Membina kepercayaan bukanlah perkara yang boleh dilakukan dalam masa singkat. Berilah ruang diri adik mendapat kepercayaan A berdasarkan kesungguhan, keikhlasan dan tingkah lakunya. Mohon doa agar A benar-benar ikhlas membimbing adik. Jangan mudah putus asa atas rahmat Allah SWT.

Allah berfirman yang bermaksud: "Katakanlah hai hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa semuanya. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang". (Al-Zumar: 53)